

18 AUG 1998

Mahathir-hubungan

HUBUNGAN PEKERJA-MAJIKAN-KERAJAAN PERLU UNTUK PULIH EKONOMI

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta pekerja dan majikan menjalinkan hubungan dan kerjasama yang rapat untuk memulihkan ekonomi dan mempertahankan kemerdekaan negara.

Pekerja, majikan dan kerajaan mesti mempunyai hubungan yang erat dan ketiga-tiga pihak juga perlu ada tindakan dan pengorbanan untuk mengatasi masalah itu, katanya ketika berucap di Perhimpunan Perpaduan sempena Hari Pekerja di sini.

Katanya, usaha itu penting kerana kuasa asing terutama pedagang matawang akan terus berusaha menyerang ekonomi negara dengan menjatuhkan pasaran saham dan nilai mata wang.

"Saya yakin selagi kita berdisiplin, selagi kita sanggup bekerjasama, selagi ada hubungan yang rapat antara pekerja, majikan dan kerajaan, kita boleh atasi tekanan yang ditujukan kepada ekonomi kita.

"Untuk mengatasi masalah ekonomi, kita perlu ambil tindakan yang kadang-kadang memerlukan pengorbanan," katanya.

Dr Mahathir berkata setiap pihak perlu memperbaharui azam untuk mempertahankan negara kerana negara ini tidak boleh mengharap sama sekali bantuan orang lain.

Beliau turut merayu supaya ketiga-tiga pihak (pekerja, majikan dan kerajaan) berhati-hati dan berdisiplin dalam segala tindakan yang diambil sama ada semasa bekerja atau melaksanakan rancangan bagi memulihkan ekonomi.

"Kalau kita tertib, tersusun dan ambil langkah secara terancang, kita boleh mengatasi ekonomi dan keadaan ini (kegawatan ekonomi) tidak akan lama," katanya.

Beliau juga meluahkan kebimbangan jika serangan oleh kuasa asing diteruskan kepada negara membangun, ia akan terkena pada kuasa yang ada kebolehan untuk melawan balik.

"Umpamanya, kalau terus tekan kuat sangat ke atas negara seperti Russia, negara itu yang ada bom nuklear mungkin akan berasa teringin untuk melemparkan bom itu kepada orang yang menyerang ekonomi mereka," katanya.

Beliau juga berkata selain negara-negara Asia Tenggara, Russia dan Hong Kong juga turut mengalami masalah kejatuhan matawang.

"Kita tidak ada bom atom atau nuklear. Tetapi saya yakin rakyat Malaysia boleh lawan segala serangan yang dibuat oleh mana-mana pihak," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau berasa sukacita mendengar ikrar yang dilafazkan sekumpulan 40 pekerja yang mewakili seluruh golongan pekerja di negara ini untuk menyokong segala usaha kerajaan.

Katanya sebagai Perdana Menteri dan bagi pihak kerajaan, beliau turut berikrar akan terus berusaha memperbaiki taraf hidup pekerja.

"Kerajaan berharap, Insya-Allah suatu hari nanti kita (kerajaan) dapat memberikan pendapatan purata RM1,200 sebulan kepada pekerja," katanya dan menambah kerajaan akan turut memastikan pendapatan majikan juga bertambah.

Bagaimanapun, sebelum itu apa yang perlu dilakukan ialah menaikkan semula nilai ringgit supaya nilai gaji RM1,200 sebulan itu nanti bukan sahaja menunjukkan gaji yang bertambah tetapi juga daya beli yang bertambah.

Dr Mahathir berkata hasrat kerajaan itu diharapkan dapat dicapai lebih awal sebelum tahun 2020.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan terus mempertahankan kepentingan

dan hak pekerja kerana peranan pekerja amat penting dalam pembangunan negara.

Katanya Malaysia yang menikmati pembangunan pesat hasil kerjasama tiga pihak -- kerajaan, majikan dan pekerja -- amat beruntung kerana setiap pihak tahu peranan masing-masing dan mempunyai sikap toleransi dan bertolak ansur.

Beliau berkata sekiranya ada pun tindakan perusahaan di negara ini, ia tidaklah keterlaluan sehingga menimbulkan mogok umum kerana setiap masalah yang timbul dapat diselesaikan melalui rundingan.

Di Malaysia, katanya kerajaan akan cuba mengelak daripada terikut-ikut dengan cara Barat di mana kerajaan akan memberi sara hidup kepada pekerja yang dihentikan seolah-olah menampakkan kerajaan prihatin dan bertanggungjawab kepada nasib pekerja.

Bagaimanapun, beliau berkata, sebenarnya bukan kerajaan yang memberi bantuan itu tetapi pekerja yang dibuang itu menerimanya daripada cukai yang dibayar oleh pekerja lain.

"Apa juga sistem mereka akan dianggap baik. Sistem kita dianggap tidak baik. Mereka suka melihat pekerja dibuang apabila ekonomi merosot, tetapi kita cuba elak cara mereka itu (buang pekerja)," katanya.

Beliau berkata sistem yang dilaksanakan di negara ini adalah baik kerana ia mampu membangunkan negara dan menikmati pertumbuhan ekonomi yang pesat sehingga membolehkan kira-kira dua juta rakyat asing bekerja di negara ini.

Perdana Menteri berkata selama 41 tahun negara ini merdeka, Malaysia telah berjaya membangunkan negara tanpa meminta-minta daripada pihak lain dan kerajaan akan terus mempertahankan sistem yang digunakannya itu.

Sesuai dengan tema Hari Kebangsaan yang ke-41, "Negara Kita, Tanggungjawab Kita", Dr Mahathir berkata: "Saya haraplah dengan perayaan ini, kita berikrar dan sama-sama berdisiplin dan mengatur susunan barisan, merapat barisan yang terkandung di dalamnya tidak hanya pekerja tetapi juga majikan dan kerajaan dan kita hadapi tekanan ekonomi dari orang asing dengan tabah hati dan akhirnya kita mengatasinya. Negara kita adalah tanggungjawab kita."

-- BERNAMA

ARA HS oba